


CONTOH ESEI MORAL CEMERLANG

Contoh Soalan Esei Jenis Format ab dengan markah 1010

8 Keratan akhbar berikut berkaitan dengan kejayaan atlet paralimpik Malaysia dalam sukan paralimpik antarabangsa.



PARALIMPIK : Bonnie raih emas pertama Malaysia
 Kuala Lumpur : Atlet paralimpik negara, Bonnie Bunyau Gustin menghadihkan pingat emas sulung negara di Sukan Paralimpik Tokyo 2020 dalam acara powerlifting dalam kelas 72 kilogram (kg) Bonnie merangkul emas dengan angkatan terbaiknya 228 kg sekali gus memecahkan rekod temasya yang sebelum ini dipegang atlet Iraq, Rasool Mohsin 227kg yang dilakukan ketika di Rio de Janeiro.
 ~ Berita Harian, 28 Ogos 2021

- a Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan emosi moral anda berdasarkan keratan akhbar di atas. Bincangkan cara mengharumkan nama negara di mata dunia berdasarkan nilai universal selain nilai bertanggungjawab dan nilai rasional. [10m]
- b Huraikan kekangan yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. [10m]

Jawapan 8a :

- a. Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan **emosi moral** anda berdasarkan keratan akhbar di atas. **Bincangkan cara mengharumkan nama negara di mata dunia berdasarkan nilai universal selain nilai bertanggungjawab dan nilai rasional.** [10m]

Watak : Rakyat Malaysia / saya / mana-mana watak yang sesuai.

Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
Gembira / bangga / kagum
Nilai kerjasama / Nilai kerajinan / Nilai Patriotisme / Nilai berdikari / Nilai keberanian / Nilai toleransi
Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang ialah cara mengharumkan nama negara di mata dunia.
Bidang yang diamksudkan ialah bidang sukan / pelancongan / industri / sains dan teknologi
Contohnya, Dato Jimmy Choo dalam bidang rekaan kasut / Zang Toi bidang fesyen / Shila Amzah bidang hiburan / Datuk Lee Chong Wei bidang sukan
Melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan menang dalam pertandingan tersebut
Menjadi johan dalam pertandingan antarabangsa
Contohnya, Sukan komamwel / pertandingan ratu cantik sedunia / Mental Arithmetic International Competition dan sebagainya
Mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi
Contohnya Pua Khien Seng telah mencipta pendrive / USB flash drive
Menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa
Persidangan ASEAN / Komanwel / APEC
Membuat pameran tentang keunikan budaya pada peringkat antarabangsa
Membolehkan warga asing mengenali Malaysia dengan lebih mendalam
Memelihara warisan negara
Pastikan hasil tinggalan sejarah dijaga dengan baik / baik pulih warisan negara
Menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat pelancongan
Meningkatkan kemudahan di kawasan pelancongan seperti tandas awam yang bersih
Tanggungjawab mengharumkan nama negara merupakan tanggungjawab semua warganegara / seluruh pihak perlu berganding bahu untuk mengharumkan nama negara

- b. Huraikan **kekangan** yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. [10m] 分析让马来西亚扬名国际的的阻力/挑战.

Watak : mana-mana watak yang sesuai.

Nilai / Huraian / Huraian Lanjutan / Contoh
Kekangan yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa ialah kekurangan pakar dalam bidang kritikal
Contohnya , bidang perubatan / doktor pakar / ahli sains / saintis
Terpaksa import doktor pakar dari negara India dan Mesir
Teknologi / kemahiran yang terhad berbanding negara maju
Terpaksa bergantung kepada kepakaran dari luar negara untuk membangunkan negara
Contohnya, sistem LRT kita dibina oleh jurutera dari Perancis
Pemikiran masyarakat yang kurang berdaya maju
Masyarakat kurang bersikap inovatif dan kreatif
Masyarakat tidak bekerjasama dan bersikap individualistik
Segelintir masyarakat kurang memberikan sokongan kepada dasar negara
Kurang sikap kepedulian dan sikap jati diri dalam diri rakyat Malaysia
Tidak menyokong dasar pembangunan negara
Mencari pekerjaan di luar negara dan menyumbang tenaga pakar di luar negara
Sumber kewangan yang terhad
Kekurangan kemudahan dan infrastruktur dalam sesuatu bidang
Kekurangan peralatan sukan yang canggih menyukarkan peningkatan mutu sukan negara
Terlalu mengagungkan jenama dari luar negara
Menganggap barangan luar negara lebih bermutu berbanding barangan tempatan
Perbezaan budaya dan bahasa antara negara
Penguasaan bahasa asing yang lemah menyukarkan komunikasi dengan negara luar
Penyebaran maklumat palsu tentang negara
Menjejaskan sikap patriotik dan kesediaan rakyat berkorban untuk negara
Setiap warganegara perlu berganding bahu memikul tanggungjawab untuk mengharumkan nama negara di mata dunia / kekangan mengharumkan nama negara dapat diatasi dengan adanya kerjasama setiap warganegara

JAWAPAN 8a : esei cemerlang

F	Sebagai rakyat Malaysia, cara mengharumkan nama negara ialah <u>melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan memenangi pertandingan tersebut.</u>
H	Kemenangan tersebut membolehkan nama negara dikenali dan tersebar luar di serata dunia.
HL	Imej negara turut dapat ditingkatkan melalui kemenangan tersebut.
C	Datuk Lee Chong Wei telah memenangi pingat emas dalam acara badminton Sukan Komanwel.
I / K	Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa dapat membuktikan keupayaan rakyat Malaysia di peringkat global dan mengubah pandangan mereka terhadap negara kita.
F2	Selain itu, rakyat dapat mengharumkan nama negara dengan <u>mereka cipta inovasi baru dalam bidang sains dan teknologi.</u>

Saya berasa **bangga**. Nilai universal yang diamalkan adalah nilai kerjasama, Nilai kerajinan, Nilai Patriotisme, Nilai keberanian,

Sebagai rakyat Malaysia, cara mengharumkan nama negara ialah melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan memenangi pertandingan tersebut. **Kemenangan tersebut membolehkan nama negara dikenali dan tersebar luar di serata dunia.** Imej negara turut dapat ditingkatkan melalui kemenangan tersebut. **Datuk Lee Chong Wei telah memenangi pingat emas dalam acara badminton Sukan Komanwel.** Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa dapat membuktikan keupayaan rakyat Malaysia di peringkat global dan mengubah pandangan mereka terhadap negara kita.

Selain itu, rakyat Malaysia turut dapat mengharumkan nama negara melalui **cara menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat pelancongan negara**. Rakyat negara boleh membantu dalam mempromosikan tempat pelancongan yang menarik di Malaysia melalui laman sesawang seperti facebook, twitter atau instagram. Sebagai contoh, rakyat Malaysia boleh menceritakan keunikan Istana Seri Menanti yang dibina tanpa menggunakan sebatang paku kepada rakyat negara luar. Penggunaan media sesawang dalam mempromosikan tempat pelancongan negara membolehkan maklumat tentang tempat pelancongan negara tersebar luas ke serata dunia. Penjenamaan semula tempat pelancongan akan menarik pelancong asing melancong ke negara kita.

Akhir sekali, rakyat Malaysia boleh mengharumkan nagara dengan **mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi**. Rakyat Malaysia boleh membantu kerajaan Malaysia menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa. Karnival teknologi seperti robotik boleh dianjurkan melalui persidangan ASEAN / Komanwel / APEC. Sebagai contoh rakyat Malaysia iaitu Pua Khien Seng telah mencipta pendrive / USB flash drive. Penciptaan USB ini telah menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kesimpulannya, seluruh warga Malaysia perlu berganding bahu untuk mengharumkan nama negara Malaysia di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN 8b : esei cemerlang

b Huraikan kekangan yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. [10m]
分析让马来西亚扬名国际的的阻力/挑战.

F	Kekangan yang dihadapi oleh negara dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa ialah <u>kekurangan kepakaran dalam bidang kritikal</u>
H	seperti bidang perubatan
HL	Keadaan ini menyebabkan kualiti bidang perubatan negara tidak dapat ditingkatkan.
C	Sebagai contoh, negara terpaksa mengimport doktor pakar dari negara Mesir dan India.
I / K	Kekurangan kepakaran dalam bidang perubatan telah menyebabkan keinginan negara menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan sukar dicapai.
F2	Kekangan seterusnya yang dihadapi ialah dari <u>segi sikap masyarakat Malaysia yang kurang bekerjasama dan bersikap individualistik.</u>
H	Keadaan ini menyebabkan mereka kurang memberikan sokongan kepada dasar atau program yang dijalankan oleh negara.
C	Rakyat masih melancong ke luar negara walaupun program Tahun Melawat Malaysia dijalankan
HL	Rakyat juga kurang melibatkan diri dalam pembangunan negara kerana mereka lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan negara
HL	Mereka lebih rela menyumbang kemahiran mereka di luar negara daripada berkhidmat dalam negara kerana gaji yang ditawarkan lebih tinggi
I / K	Kekurangan kerjasama dari rakyat dan sikap individualistik rakyat akan menyebabkan segala dasar yang dijalankan untuk membangunkan negara dan meningkatkan imej negara tidak dapat berjalan lancar

Kekangan yang dihadapi oleh negara dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa ialah **kekurangan kepakaran dalam bidang kritikal, seperti bidang perubatan**. Keadaan ini menyebabkan kualiti bidang perubatan negara tidak dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, negara terpaksa mengimport doktor pakar dari negara Mesir dan India. Kekurangan kepakaran dalam bidang perubatan telah menyebabkan keinginan negara menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan sukar dicapai.

Kekangan seterusnya yang dihadapi ialah dari **segi sikap masyarakat Malaysia yang kurang bekerjasama dan bersikap individualistik**. Keadaan ini menyebabkan mereka kurang memberikan sokongan kepada dasar atau program yang dijalankan oleh negara. Sebagai contoh, Rakyat masih melancong ke luar negara walaupun program Tahun Melawat Malaysia dijalankan. Rakyat juga kurang melibatkan diri dalam pembangunan negara kerana mereka lebih mengutamakan kepentingan diri daripada

kepentingan negara. Mereka lebih rela menyumbang kemahiran mereka di luar negara daripada berkhidmat dalam negara kerana gaji yang ditawarkan lebih tinggi. **Kekurangan kerjasama dari rakyat dan sikap individualistik rakyat akan menyebabkan segala dasar yang dijalankan untuk membangunkan negara dan meningkatkan imej negara tidak dapat berjalan lancar**

Kesimpulannya, seluruh warga Malaysia perlu berganding bahu untuk mengharumkan nama negara Malaysia di peringkat antarabangsa.

Contoh Soalan Esei Jenis Format abc dengan markah 488

8 Keratan akhbar berikut berkaitan dengan kejayaan atlet paralimpik Malaysia dalam sukan paralimpik antarabangsa.

	<p>PARALIMPIK : Bonnie raih emas pertama Malaysia Kuala Lumpur : Atlet paralimpik negara, Bonnie Bunyau Gustin menghadiahkan pingat emas sulung negara di Sukan Paralimpik Tokyo 2020 dalam acara powerlifting dalam kelas 72 kilogram (kg) Bonnie merangkul emas dengan angkatan terbaiknya 228 kg sekali gus memecahkan rekod temasya yang sebelum ini dipegang atlet Iraq, Rasool Mohsin 227kg yang dilakukan ketika di Rio de Janeiro. ~ Berita Harian, 28 Ogos 2021</p>
--	---

- a Berikan contoh kejayaan Malaysia lain yang dibanggakan di pesada dunia. [4m]
- b Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan emosi moral anda berdasarkan keratan akhbar di atas. Bincangkan cara mengharumkan nama negara di mata dunia berdasarkan nilai universal selain nilai bertanggungjawab dan nilai rasional. [8m]
- c Huraikan kekangan yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. [8m]

Jawapan 9a :

- a **Berikan contoh kejayaan Malaysia lain** yang dibanggakan di pesada dunia. [4m]
- F1 Bidang perindustrian
- F2 Bidang sains dan teknologi
- F3 Bidang pengangkutan dan perhubungan
- F4 Bidang perlancongan

Contoh kejayaan Malaysia lain yang dibanggakan di pesada dunia ialah kejayaan dalam **bidang perindustrian, bidang sains dan teknologi, bidang pengangkutan dan perhubungan, dan bidang perlancongan.**

Jawapan 9b dan 9c : rujuk jawapan di atas.

<ul style="list-style-type: none"> • Esei mesti tulis ayat lengkap 作文一定得写完整的句子 <ul style="list-style-type: none"> ○ Mesti ada watak dan fakta yang berkaitan dengan situasi soalan 必须要有主角和论点及与题目要求/情况 ○ Jika tidak perlu tulis watak, esei pun tidak boleh tulis jawapan singkat yang tidak lengkap. 如果句子不需要写到主角, 也得写出完整的句子。 ○ Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang---- X 这样写是错的, 没有完整句子不能拿到好的分数. ○ Cara mengharumkan nama negara di mata dunia ialah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang. ✓ 必需写这样完整的句子才对
